

SELESAIKAN ADUAN RAKYAT TANPA BIROKRASI

SEREMBAN – Semua penjawat awam diminta lebih responsif dalam menyelesaikan setiap aduan rakyat.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, apa saja permasalahan yang diterima sama ada kecil atau besar perlu diberi maklum balas segera dan diselesaikan tanpa birokrasi. Menurutnya, penjawat awam juga perlu lebih peka terhadap isu-isu semasa dan permasalahan rakyat.

“Kita tak mahu lagi orang luar cakap perkhidmatan awam ini perkhidmatan yang ‘lekeh’, banyak birokrasi seperti ambil masa untuk bertindak dan melengah –lengahkan urusan di kaunter.

“Tunjukkan bahawa prestasi perkhidmatan awam juga lebih baik dengan komitmen tinggi daripada semua,” katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cermelang (APC) 2021 Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan di sini pada Selasa.

Pada majlis berkenaan seramai 512 pegawai daripada 34 jabatan menerima APC.



Aminuddin (dua dari kanan) menyampaikan anugerah kepada Pegawai Daerah Kuala Pilah, Mohd Faizal Abdul Manap